



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

PANDUAN PERKHIDMATAN POS DAN KURIER

KANDUNGAN

PENGENALAN	ERROR! BOOKMARK NOT DEFINED.
CBP secara umum	Error! Bookmark not defined.
INDUSTRI SECARA AM	ERROR! BOOKMARK NOT DEFINED.
LAYANAN CBP KE ATAS INDUSTRI.....	2
SOALAN LAZIM.....	3
MAKLUM BALAS ATAU KOMEN.....	9
MAKLUMAT LANJUT	10

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara berkaitan dengan layanan CBP ke atas perkhidmatan pos dan kurier.

CBP Secara Umum

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat yang dikenakan ke atas kepenggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di Malaysia selain yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai akan dibayar sepanjang rantaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai dan ini dapat mengelakkan cukai dua kali.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai “orang yang berdaftar”. Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Beliau juga dibenarkan untuk menuntut kembali apa-apa CBP yang dilakukan ke atas pembelian (cukai input) yang mana merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri tidak merupakan satu kos kepada perantara dan tidak merupakan sebagai suatu item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

INDUSTRI SECARA AM

5. Pejabat pos menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan penghantaran mel dan barang. Ia juga merupakan satu agensi pembayaran bersetempat yang memberi khidmat kepada pihak awam dan sektor perniagaan. Perkhidmatan pos di Malaysia disediakan oleh Pos Malaysia Berhad dan ia diamanahkan oleh beberapa pembekal utiliti sebagai wakil dalam menerima

pembayaran. Pos Malaysia Berhad juga dilantik oleh beberapa agensi kerajaan untuk menjalankan perkhidmatan bagi pihak agensi tersebut.

6. Perkhidmatan kurier disediakan oleh Pos Malaysia Berhad dan beberapa pembekal perkhidmatan kurier lain seperti Federal Express Services (M) Sdn Bhd, DHL Express (M) Sdn Bhd, TNT Express Worldwide (M) Sdn Bhd, dan United Parcel Service (M) Sdn Bhd.

LAYANAN CBP KE ATAS INDUSTRI

7. Pembekalan yang disediakan oleh pejabat pos adalah bercukai pada kadar standard atau sifar. Pembekalan perkhidmatan pos dan kurier domestik adalah berkadar standard manakala perkhidmatan berkaitan dengan mel antarabangsa dan penghantaran kurier antarabangsa adalah berkadar sifar.

8. Pembekalan perkhidmatan kurier adalah berkadar sifar dalam keadaan berikut:

- (a) dari satu tempat di luar Malaysia ke satu tempat di luar Malaysia;
- (b) dari satu tempat di dalam Malaysia ke satu tempat di luar Malaysia;
atau
- (c) dari satu tempat di luar Malaysia ke satu tempat di dalam Malaysia

dan termasuk pembekalan penghantaran kurier di dalam Malaysia yang merupakan sebahagian daripada perkhidmatan seperti di (b) dan (c) yang mana kedua-dua perkhidmatan tersebut dibekalkan oleh pembekal yang sama.

9. Pembekalan perkhidmatan pos dan kurier di dalam kawasan yang ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman tidak dikenakan CBP. Bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan tersebut dibekalkan antara kawasan yang ditetapkan maka CBP akan dikenakan pada kadar standard. Pembekalan perkhidmatan pos dan kurier dari satu tempat di dalam Malaysia ke kawasan yang ditetapkan atau sebaliknya juga tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

SOALAN LAZIM

S1: Apakah layanan CBP ke atas pembekalan setem?

J1: Pembekalan setem bagi penghantaran domestik adalah berkadar standard manakala pembekalan setem bagi penghantaran antarabangsa pula berkadar sifar. Bayaran setem bagi penghantaran domestik adalah termasuk CBP.

Contoh:

Bayaran pos bagi destinasi A ke B di dalam Malaysia adalah RM2.60 (termasuk CBP). Pembekal perkhidmatan pos perlu mengakaun CBP atas kadar 6 % seperti berikut:

Bayaran pos : RM2.60

CBP perlu dibayar : $RM2.60 \times 6/106 = RM0.15$

S2: Apakah layanan CBP ke atas jualan setem terpakai?

J2: Jualan setem terpakai bagi tujuan perniagaan merupakan suatu pembekalan berkadar standard.

Contoh 1:

XYZ Stamp Co. adalah orang berdaftar di bawah CBP dan menawarkan sekeping setem luarbiasa Straits Settlement bernilai 30 sen untuk harga RM106.00. Orang berdaftar tersebut perlu mengakaun CBP atas kadar 6 % seperti berikut:

Harga setem terpakai : RM106.00

CBP perlu dibayar : $RM106.00 \times 6/106 = RM6.00$

Contoh 2:

Abu mengumpul banyak setem lama sebagai hobi dan menjual sebahagian setem tersebut kepada seorang pengumpul setem. Jualan setem tersebut tidak tertakluk kepada CBP kerana Abu bukan menjalankan suatu perniagaan menjual setem.

S3: Adakah setem hasil tertakluk kepada CBP?

J3: Setem hasil tidak diguna untuk penghantaran pos tetapi diguna untuk membayar duti setem. Jualan setem hasil bukan suatu pembekalan, dan dengan itu tidak tertakluk kepada CBP.

S4: Apakah layanan CBP ke atas jualan sampul surat hari pertama dan barang filateli lain?

J4: Jualan sampul surat hari pertama dan barang filateli lain seperti setem kenangan dan lembaran setem miniatur tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Barang ini dijual di pejabat pos pada harga termasuk CBP yang mungkin lebih tinggi dari nilai yang sebenar.

S5: Apakah layanan CBP ke atas setem dengan gambar pelanggan tercetak di atas setem tersebut?

J5: Ini merupakan suatu produk baru Pos Malaysia Berhad di mana pelanggan boleh mencetak gambar persendirian mereka di atas setem tersebut. Produk baru ini dipanggil “ **SetemKu** ”. Jenis setem ini tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S6: Caj ke atas barang pos yang dihantar dalam bungkusan tidak dibayar dengan menggunakan setem. Penghantar perlu mengisi borang yang ditetapkan dan akan dikenakan caj sewajarnya. Apakah layanan CBP?

J6: Bungkusan yang dihantar kepada penerima di dalam Malaysia tertakluk kepada CBP pada kadar standard manakala bungkusan yang dihantar kepada penerima di luar Malaysia adalah berkadar sifar.

S7: Perniagaan boleh mengepos surat sendiri dengan menggunakan mesin frangki yang diperolehi dari pejabat pos atau pembekal yang diiktiraf oleh Pos Malaysia Berhad. Mereka perlu membeli mesin frangki itu dan membuka akaun dengan pejabat pos. Apakah layanan CBP?

J7: Jualan mesin frangki merupakan suatu pembekalan bercukai dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard walaupun mesin tersebut diguna untuk mencetak setem bagi mel antarabangsa.

S8: Adakah fi atau caj bagi perkhidmatan menyediakan Peti Surat Pos (P.O. Box), Beg Berkunci, Pos Laju dan Pos Berdaftar tertakluk kepada CBP?

J8: Fi dan caj ini tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S9: Bagasi Jemaah Haji adalah suatu perkhidmatan yang disediakan bagi pengangkutan bagasi jemaah haji. Adakah perkhidmatan ini juga tertakluk pada kadar standard?

J9: Tidak. Perkhidmatan ini tertakluk pada kadar sifar kerana bagasi atau barang diangkut ke dalam Malaysia dari satu tempat di luar Malaysia.

S10: *Pos Restante* adalah satu perkhidmatan yang disediakan kepada pengembara atau perseorangan, yang tidak mempunyai alamat rumah tetap, bagi menetapkan sesebuah Pejabat Pos Besar untuk mengambil mel mereka. Apakah layanan CBP bagi perkhidmatan sebegini?

J10: Perkhidmatan ini merupakan suatu pembekalan berkadar standard kerana ianya disediakan di dalam Malaysia.

S11: Bagaimana pula dengan jualan aerogram?

J11: Jualan aerogram adalah suatu pembekalan berkadar sifar kerana ianya bertujuan untuk penghantaran antarabangsa.

S12: Risalah bagi orang buta dipos dalam sampul surat yang dicetak khas dan dihantar secara percuma. Adakah pihak pos perlu mengakaun CBP?

J12: Penghantaran pos secara percuma tidak merupakan suatu pembekalan bagi tujuan CBP. Dengan demikian ianya tidak tertakluk kepada CBP.

S13: Pejabat pos menawarkan liputan insuran bagi penghantaran mel dan bungkusan. Adakah insuran ini tertakluk kepada CBP?

J13: Insuran ini dikategorikan sebagai insuran umum, dan dengan demikian pembayaran premium adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S14: Pejabat pos bertindak sebagai satu agensi pembayaran bersetempat bagi bil dan pelbagai pembayaran seperti bil letrik dan air, taksiran cukai tanah dan pintu, pembayaran balik pinjaman pelajaran (MARA, PTPTN, JPA), bayaran ansuran Courts Mammoth, zakat, ASTRO, Telekom dan bil telefon mudah alih. Apakah layanan CBP bagi perkhidmatan ini?

J14: Perkhidmatan berkaitan dengan bil dan pungutan pembayaran merupakan suatu pembekalan bercukai standard. Bagaimanapun, pejabat pos tidak mengenakan caj komisen kepada pembayar awam. Komisen dicaj kepada pengeluar bil berkenaan.

Contoh:

Bil telefon mudah alih Abu bagi bulan Febuari adalah RM150.00. Abu pergi ke pejabat pos untuk menjelaskan bil tersebut dengan membayar sebanyak RM150.00. Pejabat pos tidak mengenakan sebarang CBP kepada Abu. Layanan ini terpakai bagi semua pembayaran bil yang dibuat di pejabat pos.

Bagaimanapun, pejabat pos akan mengenakan komisen kepada pengeluar bil (iaitu pembekal perkhidmatan telefon mudah alih seperti contoh di atas), dan komisen tersebut adalah tertakluk kepada CBP.

S15: Pejabat pos juga dibenarkan memperbaharui cukai jalan, lesen memandu, insuran kereta dan lesen pendaftaran perniagaan di mana komisen dikenakan ke atas orang yang memperbaharui lesen tersebut. Adakah perkhidmatan ini tertakluk kepada CBP?

J15: Ya, perkhidmatan pembaharuan merupakan suatu pembekalan bercukai standard dan CBP dikenakan ke atas jumlah komisen.

Contoh:

Fi pembaharuan tahunan lesen pendaftaran perniagaan Abu ialah RM30.00. Pejabat pos mengenakan komisen sebanyak RM2.00. Abu membayar sejumlah RM32.00 untuk memperbaharui lesennya. Pejabat pos perlu mengakaun CBP atas komisen tersebut yang termasuk cukai.

Caj komisen : RM2.00 (termasuk 6% CBP)

CBP perlu dibayar : $RM2.00 \times 6/106 = RM0.11$

S16: Pejabat pos juga bertindak sebagai ejen jualan dan pembelian *unit trust* seperti ASB, ASN, ASM dan ASW2020 di mana komisen dikenakan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB). Apakah layanan CBP?

J16: Pejabat pos tidak membuat pembekalan *unit trust* kepada orang awam kerana ia hanya bertindak sebagai ejen. Bagaimanapun, komisen yang dikenakan kepada PNB tertakluk kepada CBP pada kadar standard sebanyak 6%.

S17: Pejabat pos menjual kiriman wang atau wang pos di mana komisen dikenakan. Apakah layanan CBP ke atas komisen yang dikenakan?

J17: Pejabat pos mengenakan komisen apabila mengeluarkan kiriman wang atau wang pos dan atas perkhidmatan berkaitan dengan pemindahan wang. Komisen yang dikenakan ke atas perkhidmatan ini tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh:

Abu membeli kiriman wang bernilai RM100.00. Komisen yang dikenakan ialah RM2.00 termasuk cukai. Abu membayar sejumlah RM102.00 bagi kiriman wang tersebut dan pejabat pos perlu mengakaun CBP sebanyak RM0.11 ($RM2.00 \times 6/106$) berdasarkan kadar CBP sebanyak 6%.

S18: Lembaga Tabung Haji memberi kuasa kepada pejabat pos untuk menerima deposit wang daripada pemegang akaun. Pejabat pos mengenakan komisen kepada Lembaga Tabung Haji atas perkhidmatan yang diberi. Adakah perkhidmatan ini tertakluk kepada CBP?

J18: Ya. Komisen yang dikenakan ke atas perkhidmatan tersebut tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S19: Apakah layanan CBP ke atas bungkusan yang diterima dari luar negara?

J19: CBP dikenakan ke atas barang yang diimport melalui pos. Bungkusan dari luar negara disimpan di Pusat Mel & Kurier, KLIA. Pemeriksaan akan dijalankan oleh pihak Kastam untuk menentukan samada kandungan bungkusan tersebut tertakluk kepada duti kastam dan duti eksais. CBP akan dikenakan ke atas nilai barang ditambah jumlah duti kastam dan duti eksais (jika berkenaan):

(Nilai barang + duti kastam + duti eksais) x kadar CBP

Contoh:

<i>Nilai barang</i>	<i>:RM1,000</i>
<i>Duti kastam @ 10%</i>	<i>:RM 100</i>
<i>Duti eksais @ 10%</i>	<i>:RM 100</i>
<u><i>Jumlah nilai</i></u>	<u><i>: RM1,200</i></u>
<i>CBP @ 6%</i>	<i>: RM 72</i>

S20: Pejabat pos dan syarikat kurier menyediakan perkhidmatan mel ekspres untuk penghantaran cepat dengan ciri-ciri keselamatan. Adakah perbezaan layanan CBP ke atas perkhidmatan ini berbanding perkhidmatan mel biasa?

J20: Tidak. Tiada perbezaan dalam layanan CBP ke atas perkhidmatan ini. Barang yang dihantar melalui syarikat kurier atau Pos Laju, lebih dikenali sebagai *Expedited Mail Service (EMS)*, adalah berkadar standard bagi penghantaran domestik.

Bagaimanapun, perkhidmatan ini berkadar sifar bagi penghantaran antarabangsa pintu ke pintu dengan syarat kedua-dua segment penghantaran antarabangsa dan domestik dikendalikan oleh pembekal yang sama.

Contoh:

Abu mengguna Pos Laju untuk menghantar satu bungkusan dari Kota Bharu ke Australia. Bungkusan tersebut dihantar dengan lori Pos Laju dari Pusat Pos Laju Kota Bharu ke Pusat Mel & Kurier, KLIA sebelum diterbangkan ke Australia. Pos Laju mengenakan caj kepada Abu pada kadar sifar. Bagaimanapun, sekiranya Pos Laju mengupah sebuah syarikat lori tempatan untuk menghantar bungkusan dari Kota Bharu ke KLIA, kos pengangkutan kepada Pos Laju dikenakan CBP pada kadar standard. Caj Pos Laju kepada Abu masih berkadar sifar.

MAKLUM BALAS ATAU KOMEN

10. Sebarang maklum balas atau komen amatlah dihargai. Sila e-mel maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham b. Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer b. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

MAKLUMAT LANJUT

11. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman web CBP : www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline GST : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-7806 7200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-7806 7599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my